

Selepas Prosedur

Kateter akan dikeluarkan dan tapak tusukan di pangkal paha akan dimampatkan selama 15 minit sehingga pendarahan berhenti. Kemudiannya, pembalut mampatan akan digunakan. Anda akan dibawa kembali ke katil yang diaturkan di mana anda perlu berbaring rata selama kira-kira 6 jam sehingga doktor mengesahkan bahawa anda boleh meninggalkan katil.

Namun begitu, jika prosedur dijalankan melalui pergelangan tangan, kateter akan dikeluarkan sejeurus selepas prosedur diikuti dengan penggunaan pembalut mampatan di sekitar pergelangan tangan. Anda akan dipantau selama 4 jam dan boleh keluar hospital pada hari yang sama.

Maklum Doktor Anda Tentang:

1. Sebarang alergi (alahan), terutamanya alergi terhadap iodin, medium kontras sinar-X, dan ubat melegakan kesakitan.
2. Jika anda menghidap diabetes dan mengambil ubat yang dipanggil Metformin. Anda perlu menghentikan ubat ini sekurang-kurangnya 2 hari sebelum dan selepas arteriografi.

Apakah Risiko yang Mungkin?

Angiografi koronari adalah selamat secara amnya. Namun begitu, beberapa risiko yang mungkin termasuk:

- Komplikasi kecil seperti pendarahan, pembengkakan dan lebam dari tapak tusukan dan tindak balas alergi terhadap medium kontras.
- Komplikasi besar yang sangat jarang berlaku seperti serangan jantung, strok atau kematian semasa prosedur.

Bilakah Boleh Saya Tahu Keputusannya?

Doktor anda akan membincangkan keputusan angiogram dan langkah rawatan anda yang seterusnya selepas prosedur.

TINGKAT 3 PUSAT PERUBATAN TTSH

- Pusat Jantung
- Klinik 3A (Kardiologi, Perkhidmatan Ambulatori Jantung, Gim Rehabilitasi Jantung)
- Klinik 3B (Atrium Jantung, Pusat Pengimejan Jantung)

TINGKAT 3 BLOK KECEMASAN (A&E)

- Makmal Jantung Invasif

NOMBOR TELEFON:


6537 7000 (Semua Temu Janji)



Scan the QR Code with your smart phone to access the information online or visit <https://www.ttsh.com.sg/Patients-and-Visitors/Medical-Services/Cardiology/Pages/default.aspx>

Jabatan
KARDIOLOGI

Angiografi Koronari dan Ventrikulografi Kiri




Apakah Angiografi Koronari dan Ventrikulografi Kiri?

Angiografi koronari, juga dikenali sebagai pengkateteran jantung, merupakan prosedur yang dijalankan untuk memvisualisasikan arteri koronari yang merupakan saluran darah yang membekalkan darah ke jantung. Ia merupakan standard unggul untuk mendiagnosis penyakit arteri koronari. Prosedur ini melibatkan suntikan bahan kontras (biasanya dikenali sebagai pewarna) ke dalam saluran darah melalui tiub kecil atau kateter yang dimasukkan ke dalam arteri besar di pangkal paha kiri atau kanan atau pergelangan tangan. Gambar digital saluran darah jantung akan direkodkan dengan menggunakan kamera sinar-X khas.

Sering kali, prosedur lain yang dinamakan ventrikulografi kiri dijalankan pada sesi yang sama, di mana kateter dimasukkan ke dalam ventrikel kiri dan media kontras disuntik. Ini membolehkan visualisasi ventrikel kiri dan pengecutannya.

Prosedur ini dijalankan di Makmal Pengkateteran Jantung Invasif Hospital Tan Tock Seng dengan anestesia (pelali) setempat.

Suntikan Pewarna ke dalam Arteri Koronari



Mengapakah Saya Perlukan Angiografi Koronari dan/atau Ventrikulografi Kiri?

Arteri koronari atau jantung membekalkan darah kepada otot jantung untuk mengekalkan fungsi pentingnya. Penyempitan arteri koronari berlaku apabila deposit lemak terkumpul di dinding arteri dalam keadaan perubahan yang dinamakan aterosklerosis.

Aterosklerosis boleh menyebabkan simptom-simptom yang berikut:

- Sakit dada
- Sesak nafas
- Irama jantung tidak teratur
- Keletihan


Sekiranya tidak dapat dikesan, sekatan arteri koronari ini boleh menyebabkan ancaman kesihatan yang serius seperti serangan jantung malahan kematian secara tiba-tiba.

Angiografi koronari dijalankan untuk:

- Untuk menentukan sama ada terdapat penyempitan atau penyumbatan yang ketara di arteri koronari
- Untuk menentukan bentuk rawatan yang terbaik
- Sebelum angioplasti koronari (prosedur belon) untuk menyediakan "peta jalan" bagi memberi panduan kepada prosedur angioplasti



Arteri koronari kiri




Arteri koronari kanan

Apakah yang Perlu Saya Jangkakan untuk Prosedur ini?

Sebelum Prosedur

Siasatan rutin, termasuk ujian darah, elektrokardiogram (ECG) dan sinar-X dada akan dijalankan.



Tiub kecil atau kanula akan dimasukkan ke dalam salah satu urat darah tangan anda untuk mengendalikan ubat tersebut. Bulu pada pangkal paha dan bahagian atas paha mungkin dicukur. Anda perlu menandatangani borang persetujuan selepas doktor anda menjelaskan petunjuk dan risiko prosedur kepada anda.

Semasa Procedure

Anda akan dibawa masuk ke makmal di mana anda akan ditempatkan di atas sebuah meja bergerak yang dilengkapi dengan kamera X-ray dan pemantau jantung. Jururawat akan membersihkan pangkal paha atau pergelangan tangan anda bergantung pada tapak akses dan kemudiannya menutupi anda dengan kain yang steril.

Suntikan awal anestetik setempat yang disuntik di bawah kulit mungkin sedikit tidak selesa tetapi kemasukan kateter seterusnya tidak seharusnya menyakitkan. Maklumkan doktor atau jururawat sebarang ketidakselesaan yang dirasai semasa prosedur. Anda mungkin mengalami rasa hangat yang tidak berbahaya dalam badan anda semasa ventrikulografi kiri yang akan berlanjutan tidak lebih daripada 1 minit. Prosedur biasanya mengambil masa kira-kira 15 hingga 30 minit.